

12/11/2000

Bunuh Adun: Samy Vellu jumpa KPN

BUKIT MERTA JAM: Presiden MIC akan menghubungi Ketua Polis Negara, Tan Sri Norian Mai, esok, untuk mendapatkan butiran lanjut siasatan kes pembunuhan bekas Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Lunas, Dr Joe Fernandez.

Datuk Seri S Samy Vellu yang pulang dari Rom, Itali, kelmarin, juga berhasrat mengadakan perbincangan secara teliti dengan Norian berhubung pembunuhan itu.

Menurutnya, siasatan terperinci perlu dilakukan untuk mengetahui semua perkara yang berhubung kait dengan pembunuhan Dr Fernandez.

"Siasatan mendalam penting untuk memastikan perbuatan kejam yang menyebabkan kematian Dr Joe tidak berulang.

"Perkara ini turut dibincangkan dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kelmarin dan saya percaya sesiapa yang bertanggungjawab mesti dibawa ke muka pengadilan untuk menerima hukuman setimpal," katanya ketika ditemui selepas menziarahi keluarga mendiang Dr Fernandez di Taman Bukit di sini, semalam.

Samy Vellu tiba kira-kira jam 11.15 pagi bersama Naib Presiden, Datuk G Palanivel; Pengerusi MIC Kedah, Datuk V Saravanan dan Pengerusi MIC Pulau Pinang, Datuk K Rajapathy.

Beliau menyampaikan ucapan takziah kepada balu mendiang, Dr Rose Mary dan anak tunggalnya, Ophella Anne yang masih berkabung.

Sementara itu, Polis Pulau Pinang masih menghadapi kesukaran untuk mengumpul maklumat mengenai pembunuhan Dr Fernandez.

Ketua Polis Negeri, Deputy Komisioner Datuk Arthur Edmonds berkata, ini berikutan orang ramai yang berkemungkinan mempunyai maklumat mengenai kes itu dan mendiang, tidak tampil untuk memberi kerjasama.

"Banyak orang atau individu dipercayai mempunyai maklumat, tetapi setakat ini tiada yang tampil membantu siasatan," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Edmonds juga meminta semua pihak supaya tidak membuat spekulasi mengenai pembunuhan itu, kerana ia menimbulkan pelbagai masalah kepada keluarga dan siasatan polis.

Berita Minggu difahamkan, pemandu dan penumpang sebuah kereta Nissan Sunny 130Y dan Perodua Kenari yang ketika pembunuhan berada di belakang kenderaan Dr Fernandez, masih belum menghubungi polis bagi membantu siasatan.

(END)